



MAHAYUDIN MOHAMAD | BERITA HARIAN

**BARISAN PEMENANG:** Najib (duduk tiga dari kiri) bergambar bersama pemenang selepas majlis penyampaian Anugerah Hibiscus Perdana Menteri 2004/2005, di ibu negara, malam tadi.

# TPM mahu syarikat utama alam sekitar

BH - 6/11/2006.

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak mahu syarikat pembuatan di negara ini menggunakan kaedah dan bahan yang menghasilkan produk serta perkhidmatan yang mesra alam.

Timbalan Perdana Menteri berkata, dalam persaingan ekonomi peringkat global, syarikat di negara ini perlu meningkatkan keupayaan kerana pasaran sekarang memberi tekanan kepada mekanisme pematuan terhadap produk mesra alam.

"Syarikat-syarikat di negara ini juga mesti berupaya mengurus isu alam sekitar. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, piawaian ISO 14001 yang menjadi semakin penting sebagai alat mengurus isu alam sekitar.

"Dibandingkan dengan Jepun, Taiwan, Korea Utara dan Thailand, kita masih ketinggalan. Jepun percaya ISO 14001 sebagai alat

efektif bagi pematuan peraturan dan pelaksanaan di semua sektor industri serta jabatan kerajaan dan majlis tempatan," katanya pada majlis penyampaian Anugerah Hibiscus Perdana Menteri 2004/2005, anugerah yang mengiktiraf kecemerlangan syarikat dalam pengurusan alam sekitar di sini, malam tadi.

Sehubungan itu, beliau mahu syarikat di Malaysia mendapatkan standard ISO 14001.

Pada majlis itu, Najib menyampaikan anugerah itu kepada Sabah Shell Petroleum Co Ltd yang dipilih memenangi anugerah berkenaan yang diterima oleh Pengarah Urusannya, Datuk Jon Chadwick. Syarikat itu memenangi Anugerah Pencapaian Cemerlang dan Piala Pusingan.

Najib juga berkata, kerajaan mahu kadar kitar semula di negara ini yang sekarang ini hanya lima peratus di-

**“**Banyak kerajaan khususnya di negara maju mengadakan undang-undang melindungi dan memelihara alam sekitar serta menyediakan banyak sumber kepada pengurusan sisa buangan”

**Najib Razak**  
Timbalan Perdana Menteri

tingkatkan kepada 22 peratus menjelang 2020.

Katanya, semua pihak sebagai pengguna mempunyai peranan penting untuk mempengaruhi ahli keluarga, rakan dan industri untuk memberi sokongan kepada penggunaan produk serta perkhidmatan yang kurang mendatangkan kesan bahaya kepada alam sekitar.

Beliau berkata, media juga perlu memberi sokongan dalam meningkatkan kesedaran berkaitan isu alam sekitar dengan menggalak serta mendidik mengenai pentingnya kitar semula dan produk mesra alam.

Bagaimanapun yang penting, kata beliau, adalah sikap seseorang dalam memastikan usaha memelihara alam sekitar dapat sentiasa ditingkatkan.

Oleh Azman Zakaria